

Tayar:

BH - 8 MAY 1984

Cita2

Malaysia

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan **bercita-cita** menjadikan Malaysia sebuah negara pengeluar tayar yang terbesar di dunia.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir** berkata dengan segala keistimewaan yang ada, tidak mustahil negara ini dapat menguasai sebahagian besar pasaran dunia. Ini kerana adanya bahan mentah dan kos buruh yang rendah serta saiz untuk dibekalkan kepada dunia.

Beliau menyatakan demikian ketika memasmikan Simposium Ekonomi Asean, Australia dan Jepun anjuran Australian Financial Review, Nihon Keizai Shimbun, Jepun dan Business Times, Malaysia di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata sekiranya, sebagai permulaan Australia dan Jepun membeli tayar Malaysia, im-

bangnan bayaran antara Malaysia dan kedua negara itu dapat diperbaiki.

Dengan pendapatan nilai eksport yang tinggi, ia membolehkan Malaysia membeli lebih banyak barangan Jepun dan Australia.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi jaminan bahawa cara ini tidak bererti Malaysia tidak perlu mengimport bahan-bahan kilang daripada Jepun dan Australia.

Berimbangan

Impian menjadikan Malaysia sebagai pengeluar tayar terkemuka di dunia adalah salah satu contoh yang dibayangkan oleh Perdana Menteri bagi memperbaikiimbangan dagangan antara dua negara jiran itu, dengan Asean atau Malaysia.

Katanya, jika pendekatan yang sama dibuat oleh enam negara Asean dengan barangan yang berbeza, sudah tentu jumlah dagangan antara Asean, Australia dan Jepun akan meningkat dan seterusnyaimbangan dagangan dapat diperbaiki.

Dalam hubungan ini, beliau menyuarakan supsububungan

dagang antara Asean dan Australia serta Jepun dikaji semula, bukan sahaja untuk meningkatkan jumlah dagangan tetapi juga memperbaikiimbangannya.

Tambahan pula, pada masa ini Asean mencari tapak usahasama dengan negara-negara jiran.

Perdana Menteri berkata, aliran yang dapat dilihat sekarang menunjukkan bahawaimbangan dagangan Asean-Australia akan lebih menguntungkan Australia bila arang batu dan besi dibeli bagi membina kilang baru di negara-negara Asean.

Bagi Jepun pula, berikutan paras narga minyak sekarang, harga peragal' arangan kilang yang terus meningkat, makaimbangan dagangan berubah menguntungkan Jepun dalam masa yang singkat.

Kescluruhan dagangan antara Asean dengan Australia hanya berjumlah tiga peratus dalam tahun 1982. Dalam tahun yang sama kekurangan dagangan berjumlah hampir \$200 juta. Eksport Asean ke negara itu berjumlah AS\$1.5 bilion hingga \$2 bilion.

Hubungan dagangan Asean-Jepun pula adalah dalam lingkungan 25 peratus daripada jumlah perdagangan lima negara asal dalam Asean. Asean mempunyai lebihan AS\$800 juta dengan Jepun dalam tahun 1982.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerjasama tarif dan bukan tarif juga ma ekonomi Asean, Jepun dan Australia secara

besar-besaran akan memberi faedah kepada dunia, sama kesannya seperti ekonomi Amerika kepada dunia.

Dunia tidak seharusnya bergantung terlalu banyak kepada Amerika. Ekonomi baru di Pasifik akan dapat

nuhi segala kekurangan

Mengenai dasar perlindungan, Datuk Seri Dr Mahathir menggesa supaya ia dikurangkan atau dibetulkan semula. Usaha positif hendaklah dijalankan bagi memudahkan kemasukan barangan Asean ke dua negara itu.

Adalah aneh, Jepun dan Australia, yang dianggap mangsa kepada dasar perlindungan Amerika dan Eropah, tetapi masih mengamalkan dasar itu.

Mengenai perkapalan, negara Asean hendaklah diberi peluang yang sama dalam urusan pengangkutan ke Jepun dan Australia. Satu operasi bersama hendaklah diwujudkan bagi mengelakkan muatan yang